

TAHAP KESEDIAAN GURU PELATIH OPSYEN BAHASA MELAYU INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA MENJALANI PRAKTIKUM FASA 1

Siti Dahlia Abdullah, Idawati Moin, Khalidah Khalid, & Ahmad Azmi Jeonmani

**Jabatan Pengajian Melayu
IPGM Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor.**

sitidahlia@iptho.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kesediaan guru pelatih opsyen Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru Malaysia dalam menjalani praktikum Fasa 1. Penelitian ini melibatkan aspek pengetahuan pedagogi, kemahiran pengajaran, pengurusan bilik darjah, serta penggunaan teknologi. Sampel kajian terdiri daripada 140 guru pelatih, dan data dikumpul melalui soal selidik berasaskan skala Likert. Analisis data menunjukkan bahawa guru pelatih umumnya bersedia dalam aspek kemahiran pedagogi dan penggunaan teknologi, dengan nilai min 3.5 hingga 3.7, mod 4, dan median 4 dalam kedua-dua aspek ini. Cabaran utama yang dihadapi adalah dalam pengurusan masa dan disiplin murid, yang mencatatkan nilai min 2.87, mod 3, dan median 3. Kajian ini mencadangkan perlunya latihan tambahan dalam aspek pengurusan kelas dan masa serta peningkatan bimbingan daripada mentor untuk mengatasi cabaran tersebut. Dapatan kajian ini memberi panduan kepada institusi pendidikan dalam menambah baik program latihan praktikum bagi melahirkan guru yang lebih bersedia dan kompeten dalam melaksanakan tugas pengajaran di bilik darjah.

Abstract

This study aims to assess the readiness level of Malay Language trainee teachers at the Malaysian Teacher Education Institute during Practicum Phase 1. The study covers aspects of pedagogical knowledge, teaching skills, classroom management, and the use of technology. The sample consists of 140 trainee teachers, and data were collected through a Likert scale-based questionnaire. Data analysis shows that trainee teachers are generally well-prepared in terms of pedagogical skills and technology use, with mean scores ranging from 3.5 to 3.7, a mode of 4, and a median of 4 in these areas. The main challenges identified were time management and student discipline, which recorded a mean score of 2.87, a mode of 3, and a median of 3. This study recommends additional training in classroom and time management, as well as enhanced mentorship support to address these challenges. These findings provide guidance to educational institutions in improving practicum training programs to develop teachers who are more prepared and competent in performing their teaching duties in the classroom.

PENGENALAN

Profesionalisme dalam bidang pendidikan amat bergantung kepada tahap kompetensi guru yang mampu membimbing, mendidik, dan membentuk generasi masa depan. Latihan mengajar atau praktikum merupakan salah satu komponen penting dalam melahirkan guru yang berkemahiran dan berkeyakinan. Bagi guru pelatih Bahasa Melayu, fasa praktikum ini bukan sahaja memberi pendedahan awal terhadap realiti sebenar bilik darjah tetapi juga membentuk kemahiran pedagogi, pengurusan kelas, dan

kecekapan komunikasi. Tahap kesediaan guru pelatih memainkan peranan penting dalam memastikan sesi praktikum dapat dilaksanakan dengan baik. Perkara ini merangkumi pelbagai aspek seperti pengetahuan mata pelajaran bahasa Melayu, kemahiran mengajar, penguasaan teknik pentaksiran, dan kebolehan mengendalikan situasi di dalam bilik darjah yang sebenar. Namun, kajian terdahulu mendapati bahawa guru pelatih sering menghadapi cabaran dalam menguruskan masa, mengawal disiplin murid, dan menyesuaikan diri dengan amalan pengajaran yang berkesan.

Memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh fasa praktikum dalam melahirkan guru pelatih yang kompeten, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap kesediaan guru pelatih bahasa Melayu semasa menjalani praktikum Fasa 1. Latihan praktikum ini merupakan kali pertama dijalani oleh guru pelatih memandangkan sebelum ini mereka hanya melalui latihan Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS 1) dan PBS 2 di sekolah selama dua minggu. Kajian ini juga akan mengenal pasti cabaran yang dihadapi serta bentuk sokongan yang diperlukan bagi membantu mereka mengatasi cabaran tersebut. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan berguna kepada institusi pendidikan guru dalam merancang program latihan yang lebih berfokus dan berkesan untuk melahirkan guru pelatih yang bersedia dan berkeyakinan.

Pernyataan Masalah

Kajian mengenai tahap kesediaan guru pelatih bahasa Melayu melalui praktikum Fasa 1 bertujuan untuk memahami sejauh mana guru pelatih bersedia dari segi pengetahuan, kemahiran, dan sikap dalam mengajar. Kajian ini juga penting untuk mengenal pasti cabaran dan sokongan yang diperlukan oleh guru pelatih bagi membantu mereka menjalani praktikum dengan lebih berkesan. Terdapat isu dalam kalangan guru pelatih bahasa Melayu yang menunjukkan tahap persediaan yang rendah untuk menjalani praktikum, khususnya dalam aspek pengurusan kelas dan penggunaan teknologi dalam pengajaran. Kajian oleh Rahman dan Othman (2019) menunjukkan bahawa guru pelatih sering menghadapi kesukaran dalam mengaplikasikan teori pedagogi ke dalam pengajaran sebenar, sehingga menjejaskan keberkesanan proses pengajaran mereka. Kesediaan yang rendah dalam kalangan guru pelatih boleh memberi kesan negatif terhadap kualiti pengajaran, yang akhirnya proses pengajaran guru dan pembelajaran murid. Meneliti isu ini akan membantu dalam mengembangkan program latihan yang lebih berfokus bagi menyediakan guru pelatih dengan kemahiran yang diperlukan.

Walaupun terdapat pelbagai program latihan melalui kursus-kursus major dan elektif untuk guru pelatih semasa mereka menerima latihan di institut pendidikan guru, namun masih terdapat kekurangan penekanan dalam aspek pengurusan bilik darjah dan teknik pengajaran yang berbeza. Hal ini menyebabkan guru pelatih kurang bersedia apabila berada dalam situasi sebenar di bilik darjah. Bagi guru pelatih di IPGM Kampus, mereka telah mendapat latihan melalui kursus Pengajaran Kemahiran Bahasa dalam Bahasa Melayu (BMMB3223), Pengajaran Aspek Seni Bahasa dan Tatabahasa Bahasa Melayu (BMMB3243) dan Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran (PRKA3012). Kursus BMMB3223 dan BMMB3243 merupakan kursus teras yang menekankan tiga kemahiran bahasa dan dua aspek dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi bahasa Melayu Sekolah Rendah. Manakala PRKA3012 memperincikan pembinaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang akan diguna pakai oleh guru pelatih dalam praktikum Fasa 1. Permasalahan utama dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru pelatih Bahasa Melayu dalam menghadapi cabaran praktikum, terutamanya dalam aspek mengaplikasikan kemahiran pengajaran yang telah dipelajari dan pengurusan bilik darjah meskipun secara umumnya mereka telah mendapat latihan melalui bimbingan kursus yang dilaksanakan dalam struktur pengajaran Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) Bahasa Melayu.

Objektif Kajian

Beberapa objektif telah digariskan bagi pelaksanaan kajian ini, iaitu:

1. Mengenal pasti tahap kesediaan guru pelatih Bahasa Melayu dalam aspek pedagogi, pengetahuan kandungan, dan kemahiran komunikasi.
2. Menganalisis cabaran utama yang dihadapi oleh guru pelatih semasa praktikum Fasa 1.

Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Di samping membantu dalam mengenal pasti kekuatan dan kelemahan guru pelatih, seterusnya membolehkan institusi pendidikan khususnya IPG Malaysia menambah baik program latihan dengan memberi fokus kepada aspek seperti kemahiran pedagogi, pengurusan bilik darjah, dan penggunaan teknologi. Kajian ini juga menyediakan data untuk memperbaiki bimbingan mentor, memberi sokongan lebih menyeluruh kepada guru pelatih dalam menghadapi cabaran pengajaran sebenar, serta memotivasikan mereka untuk mencapai tahap profesionalisme yang lebih tinggi. Kesediaan guru pelatih yang kukuh akan menyumbang kepada keberkesanan sistem pendidikan dan memastikan murid menerima pendidikan berkualiti, sekali gus melahirkan generasi yang berdaya saing.

Sorotan Kajian

Terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian apabila membincangkan tahap kesediaan guru pelatih semasa mereka melalui fasa praktikum di sekolah. Hal ini meliputi aspek penting seperti pengetahuan pedagogi, kemahiran pengajaran, pengurusan bilik darjah, penggunaan teknologi, dan cabaran yang dihadapi. Pengetahuan pedagogi merupakan aspek utama yang diperlukan oleh guru pelatih sebelum menjalani praktikum. Menurut Shulman (1987), pengetahuan pedagogi merangkumi pengetahuan tentang kaedah pengajaran yang efektif, pemahaman mengenai kurikulum, serta cara menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan murid. Kajian oleh Mustapha et al. (2019) mendapati bahawa guru pelatih yang memiliki pengetahuan pedagogi yang kukuh menunjukkan keyakinan yang lebih tinggi dan dapat merancang pelajaran dengan lebih baik semasa praktikum. Namun, beberapa kajian juga mendapati bahawa pengetahuan pedagogi sahaja tidak mencukupi tanpa pengalaman praktikal.

Kemahiran pengajaran antara aspek penting dalam menentukan keberkesanan praktikum guru pelatih. Kajian oleh Kamaruddin dan Osman (2020) menunjukkan bahawa guru pelatih yang telah diberikan latihan pengajaran yang mencukupi dapat mengaplikasikan kemahiran ini dengan lebih yakin dalam bilik darjah sebenar. Kemahiran ini termasuklah keupayaan untuk menjelaskan konsep dengan jelas, menyusun aktiviti pengajaran yang menarik, dan menilai tahap kefahaman murid. Kajian juga mendapati bahawa guru pelatih sering menghadapi cabaran dalam menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan tahap keupayaan murid, terutamanya pada peringkat awal praktikum. Selain itu, pengurusan bilik darjah turut menjadi satu daripada cabaran utama yang dihadapi oleh guru pelatih semasa praktikum. Pengurusan bilik darjah yang berkesan dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan terkawal. Menurut Abdullah et al. (2018), kebanyakan guru pelatih menghadapi kesukaran dalam menguruskan bilik darjah, terutama dalam aspek disiplin murid dan pengendalian konflik. Guru pelatih yang belum berpengalaman sering menghadapi tekanan dalam mengawal tingkah laku murid dan mengekalkan tumpuan mereka sepanjang sesi pembelajaran. Kajian ini juga menekankan kepentingan sokongan daripada mentor untuk membantu guru pelatih mengatasi cabaran dalam pengurusan bilik darjah.

Rahman dan Othman (2019) dalam kajian bertajuk Cabaran yang Dihadapi Guru Pelatih dalam Pengurusan Bilik Darjah Semasa Praktikum turut mengkaji kesukaran yang dialami oleh guru pelatih

dalam aspek pengurusan bilik darjah semasa praktikum mereka. Kajian ini meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi cabaran ini, termasuk aspek kawalan disiplin murid, perancangan aktiviti pengajaran, serta pengendalian konflik di dalam bilik darjah. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan guru pelatih mengalami tekanan dalam menguruskan tingkah laku murid dan sukar mengekalkan fokus serta perhatian kelas secara keseluruhan. Sokongan daripada mentor dan penyelia juga didapati sangat menyumbang dalam membantu guru pelatih menangani cabaran ini, selain keperluan latihan tambahan yang menekankan teknik pengurusan bilik darjah yang lebih berkesan.

Dalam era digital ini, kemahiran penggunaan teknologi merupakan salah satu aspek penting dalam kesediaan guru pelatih. Kajian oleh Lim dan Rahman (2021) mendapati bahawa guru pelatih yang berkeupayaan menggunakan teknologi seperti komputer, perisian pembelajaran, dan alat bantuan mengajar digital dapat meningkatkan minat dan penglibatan murid dalam pelajaran. Walau bagaimanapun, beberapa guru pelatih menghadapi cabaran dalam mengaplikasikan teknologi secara efektif disebabkan kekangan kemudahan di sekolah praktikum. Kajian juga menunjukkan bahawa latihan tambahan diperlukan bagi guru pelatih untuk meningkatkan kemahiran teknologi mereka agar lebih bersedia menghadapi pengajaran yang menggunakan pelbagai platform digital. Praktikum adalah satu pengalaman penting yang membolehkan guru pelatih mengalami realiti bilik darjah dan memahami cabaran sebenar dalam mengajar. Kajian oleh Yusoff et al. (2020) mendapati bahawa cabaran utama yang dihadapi oleh guru pelatih termasuklah tekanan daripada mentor, kekangan masa, dan kekurangan bahan bantu mengajar. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa sokongan daripada mentor dan rakan sekerja di sekolah dapat membantu guru pelatih mengatasi cabaran ini. Program bimbingan oleh mentor yang lebih berpengalaman dilihat sangat membantu dalam meningkatkan keyakinan dan kemahiran guru pelatih, terutamanya dalam aspek pengurusan kelas dan perancangan pengajaran.

Kajian oleh Hashim dan Abdul Rahman (2022) menekankan bahawa kesediaan emosi dan mental adalah elemen yang sering kali diabaikan dalam kesediaan guru pelatih. Guru pelatih yang tidak bersedia dari segi mental dan emosi mungkin berasa tertekan dan cemas semasa praktikum. Kesediaan emosi ini melibatkan kemahiran dalam menangani tekanan, membina keyakinan diri, serta kemampuan mengatasi masalah secara positif. Kajian ini mencadangkan agar program latihan guru memasukkan elemen kesihatan mental untuk membantu guru pelatih bersedia menghadapi tekanan semasa mengajar.

Secara kesimpulannya, kesediaan guru pelatih dalam menjalani praktikum melibatkan pelbagai aspek yang saling melengkapi. Dapatan daripada kajian lepas menunjukkan keperluan untuk memperkukuh persediaan guru pelatih dalam aspek pengetahuan pedagogi, kemahiran pengajaran, pengurusan bilik darjah, dan penggunaan teknologi. Cabaran dan tekanan yang dihadapi guru pelatih semasa praktikum juga dapat dikurangkan dengan sokongan daripada mentor dan latihan khusus dalam aspek pengurusan emosi. Dengan mengambil kira kesemua aspek ini, program latihan guru boleh dirancang dengan lebih berfokus bagi melahirkan guru yang bersedia dan berkeyakinan dalam menghadapi realiti pengajaran di bilik darjah.

Metadologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif bagi menggambarkan tahap kesediaan guru pelatih berdasarkan faktor-faktor seperti pengetahuan pedagogi, kemahiran pengurusan kelas, penggunaan teknologi, dan sokongan emosi. Reka bentuk deskriptif membolehkan pengkaji meneroka dan menggambarkan situasi semasa tahap kesediaan guru pelatih. Sampel kajian terdiri daripada 140 orang guru pelatih Ambilan Jun 2022-2026 yang sedang menjalani praktikum fasa 1 selama 10 minggu. Sampel dipilih menggunakan kaedah 'pensampelan bertujuan' untuk mendapatkan responden yang relevan dan mewakili populasi guru pelatih Bahasa Melayu.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang ditadbir menggunakan *Google Form*. Soal selidik digunakan untuk mengumpul data secara kuantitatif mengenai tahap kesediaan guru pelatih. Soalan dibina berdasarkan skala Likert 4 untuk mengukur tahap persetujuan atau kesediaan responden terhadap aspek-aspek kajian seperti kemahiran pedagogi, pengurusan bilik darjah, dan sokongan yang diterima. Skala Likert 4 digunakan bagi mengelakkan jawapan yang berada di tengah dan menggalakkan responden membuat pendirian.

Soal selidik diubah suai daripada Model TPACK (Technological Pedagogical Content Knowledge) dibangunkan oleh Punya Mishra dan Matthew J. Koehler pada tahun 2006. Model ini merupakan lanjutan daripada konsep asal Pedagogical Content Knowledge (PCK) oleh Lee Shulman pada tahun 1986, yang menyatakan bahawa guru perlu menguasai gabungan pengetahuan pedagogi dan kandungan subjek untuk menjadi berkesan. Gabungan elemen ini menghasilkan komponen-komponen TPACK yang membantu guru merancang, mengajar, dan menilai pengajaran menggunakan teknologi dengan lebih berkesan. Model TPACK merangkumi tiga elemen utama iaitu:

1. Content Knowledge (CK): Pengetahuan kandungan subjek.
2. Pedagogical Knowledge (PK): Pengetahuan tentang kaedah pengajaran.
3. Technological Knowledge (TK): Pengetahuan tentang alat dan teknologi.

Melalui pendekatan metodologi yang jelas dan sistematik ini, kajian dapat memberikan gambaran yang tepat mengenai tahap kesediaan guru pelatih Bahasa Melayu, dan seterusnya menyumbang kepada penambahbaikan dalam program latihan guru. Data daripada temu bual dianalisis secara tematik. Hal ini melibatkan pengkategorian data mengikut tema yang muncul, seperti cabaran pengajaran, kemahiran pengurusan bilik darjah, atau tahap sokongan emosi yang diperlukan.

Dapatan Analisis

Analisis min, mod dan median dilakukan bagi setiap item bagi memudahkan perbandingan antara soalan-soalan dalam soal selidik. Melalui analisis ini, dapatan boleh menunjukkan item mana yang mempunyai skor tertinggi atau terendah dan memahami item mana yang mendapat respons paling positif atau negatif. Selain itu, dapatan analisis juga dapat memperlihatkan konsistensi dan penyebaran jawapan bagi setiap item soalan. Bagi menentukan tahap kesediaan dalam analisis kajian, rujukan berbandukan Likert, R. (1932) berdasarkan julat nilai min, iaitu

- Tahap tinggi: Skor min antara 4.00 - 5.00 ○
- Tahap sederhana: Skor min antara 2.50 - 3.99
- Tahap rendah: Skor min antara 1.00 - 2.49

Berikut adalah analisis min, mod, dan median bagi setiap item soalan dalam soal selidik:

Item Soalan	Min (Purata)	Mod	Median
1. Saya memahami kaedah pengajaran yang sesuai untuk mata pelajaran Bahasa Melayu.	3.53	4	4
2. Saya mampu merancang pengajaran Bahasa Melayu yang berkesan.	3.44	3	3
3. Saya mengetahui kaedah penilaian yang sesuai untuk mengukur pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	3.26	3	3
4. Saya yakin mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas.	3.50	4	4
5. Saya mampu mengendalikan aktiviti pengajaran yang menarik minat murid-murid.	3.50	4	4
6. Saya dapat menjelaskan konsep-konsep penting dalam Bahasa Melayu dengan jelas kepada murid-murid.	3.32	3	3
7. Saya mampu mengawal disiplin murid di dalam kelas.	3.49	4	4
8. Saya tahu cara menangani murid yang berhadapan dengan masalah disiplin.	3.41	4	3
9. Saya boleh mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif di dalam kelas.	3.56	4	4
10. Saya selesa menggunakan teknologi (seperti televisyen pintar, komputer, aplikasi pembelajaran)	3.62	4	4
11. Saya tahu cara menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi di dalam kelas Bahasa Melayu.	3.59	4	4
12. Saya rasa penggunaan teknologi dapat membantu dalam meningkatkan minat murid terhadap Bahasa Melayu.	3.69	4	4
13. Saya mendapat bimbingan yang mencukupi daripada mentor semasa menjalani praktikum.	3.68	4	4
14. Saya mempunyai akses kepada sumber dan bahan mengajar yang mencukupi.	3.54	4	4
15. Saya menghadapi cabaran dalam menguruskan waktu antara perancangan dan pengajaran.	2.87	3	3

Secara keseluruhannya, kebanyakan soalan mempunyai median dan mod yang sama, menunjukkan bahawa terdapat ketekalan jawapan responden pada skala tertentu. Rumusan hasil analisis soal selidik menunjukkan tahap kesediaan guru pelatih Bahasa Melayu untuk praktikum Fasa 1 adalah positif tetapi terdapat variasi dalam beberapa aspek. Bagi aspek Kesediaan Pedagogi didapati soalan-soalan berkaitan pemahaman dan penguasaan kaedah pengajaran, serta perancangan pengajaran, menunjukkan purata skor sekitar 3.3 hingga 3.5. Kebanyakan responden berasa yakin dengan kemahiran mengajar mereka, dengan mod dan median cenderung pada nilai 4. Perkara ini mencerminkan kesediaan sederhana hingga tinggi dalam aspek pedagogi. Seterusnya bagi Pengurusan Kelas pula, responden menunjukkan tahap keyakinan yang sederhana hingga tinggi dalam mengawal disiplin dan mengurus suasana pembelajaran (skor purata sekitar 3.4 hingga 3.6). Namun, untuk menangani masalah disiplin murid, skor median menurun ke-3, menunjukkan cabaran yang mungkin dihadapi guru pelatih dalam

aspek ini. Bagi item yang mengukur kesediaan menggunakan teknologi dalam pengajaran mencatat skor purata tertinggi, iaitu antara 3.6 hingga 3.7. Situasi ini menunjukkan bahawa guru pelatih berasa selesa menggunakan alat teknologi dalam kelas dan menganggapnya berguna untuk meningkatkan minat murid. Keadaan alat teknologi seperti televisyen pintar dan capaian internet yang baik menyumbang kepada keselesaan guru pelatih memanfaatkan teknologi ini. Soalan berkaitan sokongan mentor atau guru pembimbing dan akses kepada bahan pengajaran mendapat skor purata sekitar 3.5 hingga 3.7, menunjukkan bahawa guru pelatih merasakan bahawa bimbingan yang diterima semasa fasa praktikum adalah mencukupi terutama daripada guru pembimbing dan pihak sekolah. Sebaliknya item mengenai cabaran mengurus masa mencatat purata skor paling rendah (2.87). Keadaan ini menunjukkan bahawa pengurusan masa merupakan salah satu aspek yang memerlukan perhatian dalam latihan praktikum sehingga dianggap sebagai kekangan utama kebanyakan guru pelatih semasa berada di sekolah.

Secara keseluruhannya kedua-dua objektif kajian ini telah dicapai. Bagi objektif 1, analisis min, mod, dan median bagi item soal selidik menunjukkan tahap kesediaan guru pelatih dalam aspek pedagogi pada tahap sederhana hingga tinggi. Guru pelatih secara umumnya yakin dalam menguasai kemahiran pedagogi seperti merancang pengajaran, mengendalikan aktiviti yang menarik minat murid, dan menjelaskan konsep penting dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan ini memberi gambaran tentang keseluruhan tahap kesediaan dalam aspek yang diukur. Mana kala bagi objektif kedua, cabaran utama yang dikenal pasti adalah dalam aspek pengurusan masa dan usaha menangani disiplin murid. Skor purata yang rendah dalam soalan berkaitan pengurusan masa menunjukkan bahawa masa adalah satu cabaran yang utama, manakala cabaran dalam mengurus disiplin murid ditunjukkan melalui median dan mod pada nilai yang lebih rendah. Kedua-dua cabaran ini merupakan isu yang perlu diberi perhatian dalam latihan praktikum.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan analisis deskriptif tahap kesediaan guru pelatih ini, dapat dirumuskan bahawa kebanyakan guru pelatih menunjukkan sikap yang positif, tahap kesediaan yang baik dalam aspek utama pengajaran, seperti penggunaan teknologi, pengendalian kelas, dan bahan bantu mengajar. Perkara ini mencerminkan keyakinan guru pelatih dalam kemahiran asas yang diperlukan untuk mengajar bahasa Melayu dan menunjukkan bahawa latihan yang diterima di IPG telah membantu mereka dalam aspek-aspek penting ini. Skor purata yang lebih rendah pada pengurusan masa antara perancangan dan pelaksanaan pengajaran memberi gambaran bahawa guru pelatih masih bergelut dalam isu pengurusan masa. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pengalaman atau kekurangan latihan khusus dalam merancang dan melaksanakan pengajaran secara berkesan dalam jangka masa yang ditetapkan. Hasil dapatan mencadangkan bahawa aspek pengurusan masa memerlukan latihan dan bimbingan tambahan. Bimbingan tersebut merupakan sesuatu yang lebih terarah dalam merancang jadual pengajaran, mengatur aktiviti, serta menyelaraskan waktu dengan keperluan kurikulum dapat membantu guru pelatih lebih bersedia menguruskan masa dalam pengajaran mereka. Kesediaan yang tinggi dalam menggunakan teknologi dalam pengajaran menunjukkan teknologi berperanan positif dalam membantu guru pelatih menambah baik pengalaman pembelajaran murid. Perkara ini juga mengisyaratkan bahawa teknologi mungkin berfungsi sebagai sumber motivasi bagi guru pelatih dan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Terdapat beberapa cadangan penambakan yang boleh dibuat bagi membimbing guru pelatih melaksanakan pengurusan masa dengan lebih teratur, antaranya:

1. Penyediaan Jadual Pengurusan Masa yang Teratur - Guru pelatih boleh dibimbing untuk menyusun jadual yang teratur bagi semua aktiviti pengajaran, termasuk perancangan pelajaran, masa untuk penyediaan bahan, dan waktu untuk refleksi selepas pengajaran. Dengan jadual yang jelas,

mereka dapat mengatur masa dengan lebih efisien dan mengelakkan pembaziran masa pada aktiviti yang kurang bermanfaat.

2. Penggunaan Alat Pengurusan Masa Dalam Talian- Menggunakan aplikasi atau alat pengurusan masa seperti kalendar digital (Google Calendar, Microsoft Outlook) atau aplikasi khusus pengurusan tugas (Trello, Asana) dapat membantu guru pelatih mengingatkan mereka tentang tarikh penting dan tugas yang perlu disiapkan, di samping dapat memudahkan penyusunan keutamaan tugas semasa di sekolah.
3. Merancang dan Menyediakan Bahan Pengajaran Lebih Awal - Guru pelatih digalakkan untuk menyediakan bahan pengajaran dan rancangan pengajaran harian (RPH) lebih awal, contohnya, pada hujung minggu atau beberapa hari sebelum hari mengajar. Penyediaan awal ini akan membolehkan mereka menghadapi kelas dengan lebih tenang dan teratur. Elakkan daripada menanggung tugas yang penting seperti penyediaan RPH, Jurnal dan bahan bantu mengajar.
4. Bengkel Pengurusan Masa oleh Unit Parktikum/Unit Kaunseling - Pihak Unit Praktikum dan Unit Kaunseling harus berkolaboratif dalam menyediakan modul khusus atau bengkel pengurusan masa sebelum guru pelatih turun ke lapangan. Dalam modul ini, guru pelatih akan diajar teknik seperti matriks keutamaan (urgent-important matrix) dan teknik Pomodoro, yang membantu mereka membahagikan masa dengan lebih berkesan. Melalui bengkel yang sama, guru pelatih boleh diajar melakukan refleksi dan menilai masa yang digunakan untuk setiap aktiviti. Mereka boleh mengenal pasti tugas mana yang memerlukan lebih banyak masa atau yang dapat dipercepatkan, serta membuat pelarasan bagi sesi pengajaran seterusnya.
5. Bimbingan Mentor dalam Menyusun Keutamaan Tugas – Guru pembimbing atau pensyarah penyelia boleh membantu guru pelatih dalam mengenal pasti keutamaan tugas semasa praktikum, seperti memberi tumpuan kepada perancangan pengajaran dan pengurusan kelas terlebih dahulu. Mentor boleh berkongsi strategi pengurusan masa yang mereka gunakan sendiri agar guru pelatih dapat mengamalkan teknik yang lebih praktikal dan realistik. Guru pelatih juga biasanya diberi tugas tambahan di sekolah sehingga mengambil masa yang seharusnya digunakan untuk membuat persediaan.

Penutup

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa walaupun guru pelatih bersedia dalam kebanyakan aspek pengajaran, terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam aspek pengurusan masa. Bimbingan tambahan dapat membantu mereka dalam meningkatkan kesediaan mereka untuk mengajar secara lebih efektif dalam fasa 2 praktikum kelak. Guru pelatih bahasa Melayu mempunyai tahap kesediaan yang agak tinggi dalam aspek pemahaman kaedah pengajaran, keyakinan dalam mengendalikan pembelajaran, dan penggunaan teknologi sebagai bahan bantu mengajar. Hal ini menggambarkan bahawa mereka memiliki asas yang baik dalam kemahiran pengajaran dan mampu menarik minat murid melalui pelbagai teknik dan alat berasaskan teknologi. Perkara yang perlu dititikberatkan dan diberi perhatian ialah cabaran pengurusan masa yang dianggap sebagai kekangan terbesar dalam semasa mereka melalui Fasa 1 Latihan Praktikum. Walaupun bimbingan daripada mentor dan akses kepada sumber mengajar adalah mencukupi, terdapat ruang untuk mempertingkatkan kualiti bimbingan dan menyediakan sumber yang lebih menyeluruh. Aspek ini boleh membantu guru pelatih menghadapi cabaran yang dihadapi dalam praktikum. Langkah ini dapat membantu guru pelatih mencapai tahap kesediaan yang lebih optimum dalam persediaan mereka menjadi guru yang berkesan. Implikasinya masih terdapat ruang yang boleh digunakan oleh pihak IPGM terutama jabatan akademik khususnya Jabatan Pengajian Melayu bagi membantu guru pelatih merancang latihan praktikum agar lebih berfokus kepada keperluan sebenar selain menekankan aspek pedagogi di dalam bilik darjah semata-mata. Kerjasama antara pihak jabatan akademik, unit praktikum dan kaunselor IPGM Kampus

boleh dijalin supaya guru pelatih lebih bersiap siaga menghadapi cabaran pengurusan masa semasa melaksanakan latihan praktikum di sekolah.

RUJUKAN

- Abdul Rahim, M., & Noor, H. (2018). Faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru pelatih dalam praktikum: Satu kajian literatur. *Journal of Teacher Education*, 11(1), 38-49.
- Abdullah, A. H., Hassan, S. M., & Razak, M. N. (2018). Pengurusan bilik darjah: Cabaran guru pelatih semasa praktikum. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 34-46.
- Ahmad, M., Salleh, N., & Kamal, R. (2019). Kesediaan guru pelatih dalam penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 14(1), 12-27.
- Aziz, M. R., & Khalid, S. (2020). Pengaruh kemahiran teknologi terhadap keberkesanan pengajaran guru pelatih. *Malaysian Journal of Digital Learning*, 4(2), 88-99.
- Hashim, N. A., & Abdul Rahman, S. (2022). Kesediaan emosi dan mental dalam kalangan guru pelatih semasa praktikum: Satu kajian kes. *Journal of Educational Psychology*, 5(2), 72-83.
- Hassan, N., & Mahmud, S. (2021). Tahap keyakinan dan kompetensi guru pelatih dalam mengendalikan kelas Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastera*, 3(2), 56-67.
- Idris, Z. H., & Zahari, N. M. (2020). Kajian keberkesanan program mentor-mentee terhadap guru pelatih dalam program praktikum. *Journal of Practicum Studies*, 8(4), 44-59.
- Kamaruddin, K., & Osman, H. (2020). Hubungan antara kemahiran pedagogi dengan keyakinan mengajar guru pelatih dalam praktikum Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Teacher Education*, 12(3), 57-66.
- Latif, N. A., & Ismail, F. (2018). Kesediaan guru pelatih dalam aspek pengurusan masa semasa praktikum. *Educational Journal of Time Management*, 6(3), 34-45.
- Likert, R. (1932). *A technique for the measurement of attitudes*. Archives of Psychology, 22(140), 5–55.
- Lim, C. W., & Rahman, A. M. (2021). Penggunaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Melayu: Kesediaan guru pelatih dalam era digital. *Teknologi Pendidikan*, 28(4), 91-104.
- Mahmud, Z., & Amin, F. A. (2021). Penggunaan kaedah pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Bahasa Melayu. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 9(1), 103-116.
- Mustapha, R., Jamaluddin, J., & Ahmad, N. (2019). Pengetahuan pedagogi dalam kalangan guru pelatih Bahasa Melayu semasa praktikum. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 7(3), 23-36.
- Rahman, S. N., & Othman, A. L. (2019). Cabaran yang dihadapi guru pelatih dalam pengurusan bilik darjah semasa praktikum. *Malaysian Journal of Classroom Management*, 7(2), 65-76.
- Shulman, L. S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*, 57(1), 1-22.
- Sulaiman, M. R., & Zakaria, H. (2022). Kesan latihan praktikal terhadap keyakinan diri dan kemahiran pengajaran guru pelatih. *Journal of Teacher Development*, 13(1), 98-112.
- Yusoff, F., Latif, N., & Musa, Z. (2020). Cabaran dan sokongan mentor terhadap guru pelatih Bahasa Melayu semasa praktikum: Perspektif guru pelatih. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*, 9(2), 15-28.

Zain, R., & Yusof, A. (2021). Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru pelatih dalam penggunaan teknologi pendidikan semasa praktikum. *Journal of Educational Research and Technology*, 5(3), 77-89.